

# Masa Dr. M suntuk untuk temui Thatcher di London

29 SEP 1982

**P** NEW YORK, Selasa — Pelawaan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di London mungkin tidak dapat dipenuhi kerana kesuntukan masa. Perdana Menteri akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur Ahad ini melalui London, selepas menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di sini.

Walaupun beliau dijangka berada di London selama dua hari, tetapi pelawaan Puan Thatcher tidak dapat dipenuhi kerana Perdana Menteri British pada masa itu belum pulang dari lawatannya ke China.

Mengikut maklumat yang diterima, Puan Thatcher telah melahirkan hasratnya menemui Datuk Seri Dr. Mahathir baru-baru ini. Demikian jelas Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie di sini hari ini.

Katanya, pelawaan itu tidak dapat dipenuhi memandangkan Perdana Menteri terpaksa pulang kerana beliau akan menghadiri Persidangan Negara-Negara Komanwel di Fiji pertengahan bulan depan.

Difahamkan, keinginan Perdana Menteri British menemui Datuk Seri Dr. Mahathir ada hubungan dengan dasar Malaysia terhadap British yang hangat dibincangkan sedikit masa dulu.

Perdana Menteri dan isteri tiba di Lapangan Terbang John F. Kennedy jam 6.45 petang ini

disambut oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Zain Azrai, Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu, Datuk Zainal Abidin Sulong dan pegawai-pegawai Malaysia di sini.

## Pertemuan

Selama empat hari Perdana Menteri di sini, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung PBB, Encik Perez de Cuellar, Asian Society di New York, Presiden Perhimpunan PBB ke-37, Putera Norodom Sihanouk dan juga para perwakilan negara-negara ASEAN.

Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Syarikat Flour and Engineering, Encik Robert Flour dan Pengerusi Syarikat Daniel.

Kedua syarikat ini difahamkan berminat melabur di Malaysia dalam perindustrian binaan.

Perdana Menteri akan berucap di PBB esok dan dijangka beliau akan menyentuh berbagai aspek penting, khususnya mengenai isu Kampuchea.

Malam ini PM dan isteri menghadiri majlis jamuan makan dengan para perwakilan ASEAN di PBB. Beliau dan rombongan akan berlepas ke London Jumaat ini dan akan pulang ke Kuala Lumpur pada hari Ahad.

Sementara itu, harapan Malaysia dan negara-negara ASEAN

mengekalkan kerusi Kerajaan Demokratik Kampuchea, serta mendapat persetujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai ketetapan penyelesaian politik Kampuchea, semakin cerah memandangkan usaha mendapat sokongan dari negara-negara anggota pertubuhan itu sedang berjalan.

Malaysia dan rakkannya dalam ASEAN sedang merangka strategi berhubung dengan isu Kampuchea melalui beberapa pertemuan antara para Menteri Luar ASEAN di sini.

## Bertambah

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie yang berada di sini sejak Jumaat lalu berkata, Malaysia yakin sokongan untuk Demokratik Kampuchea kali ini akan bertambah melebihi 100 undi.

Tan Sri Ghazali Shafie, memberitahu para wartawan Malaysia di sini, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Demokratik Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk dan Perdana Menteri, Encik Son Sann Ahad lalu.

Beliau juga akan mengadakan beberapa pertemuan dengan pemimpin dunia lain termasuk Menteri Luar Finland, Encik Stenback, Menteri Luar Romania dan Korea.

Sementara itu, para Menteri Luar ASEAN dijadual mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Encik Georg Shultz dan pemimpin-pemimpin dunia lain

bagi mendapatkan sokongan terhadap isu Kampuchea.

Kempen mencari sokongan ini bertambah hebat memandangkan satu telegram telah dihantar oleh Heng Samrin kepada Setiausaha Agung PBB, Encik Perez de Cuellar mencabar hak Kerajaan Demokratik Kampuchea di PBB.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Zainol Abidin Sulong dalam taklimatnya kepada wartawan Malaysia memberitahu, jawatankuasa tauliah keanggotaan telah diminta bermesyuarat secepat mungkin bagi menyediakan laporannya mengenai keahlian Kampuchea. Jawatankuasa itu akan membentangkan laporannya sebelum perbahasan umum berlangsung pada 18 Oktober depan.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh sembilan negara iaitu Bahamas, China, Republik Dominikan, Nepal, New Zealand, Nigeria, Seycelles, Soviet Union dan Amerika Syarikat.

Dalam Persidangan PBB tahun lalu tujuh anggota menyokong Demokratik Kampuchea manakala Soviet Union dan Seycelles menentang.

Menyentuh ketetapan PBB mengenai penyelesaian isu Kampuchea, Tan Sri Zainol menjelaskan, Malaysia sedang berusaha bagi mendapatkan lebih banyak negara menjadi penganjur bersama membentangkan resolusi penyelesaian politik Kampuchea yang akan dibahaskan akhir bulan depan.

Tahun lalu 30 negara menjadi penganjur bersama membentangkan usul tersebut yang mana diterima oleh PBB.

Resolusi kali ini akan dibuat dengan mengambilkira perkembangan terbaru, khususnya mengenai penubuhan Kerajaan Demokratik Kampuchea yang ditan-